

Pemikiran Siber Urbanisme Masyarakat Melayu di Bandar Pintar

Jalaluddin Abdul Malek, PhD

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
jbam@pkris.cc.ukm.my

Abstrak

Konsep pembangunan bandar era paska moden telah diberi berbagai jenama seperti konsep bandar mapan, bandar sejahtera, bandar berdaya huni, bandar selamat dan bandar pintar. Bandar pintar pula dikenali dengan berbagai nama seperti *intelligent city*, *smart city*, bandaraya bestari, bandar maya dan *technopolis*. Kesemua bandar pintar tadi dibangun dengan mengutamakan infrastruktur ICTs (Information and Communication Technology) sebagai kemudahan asas bandar di samping kemudahan asas yang lain. Infrastruktur ICTs tersebut bertujuan untuk merealisasikan sistem aplikasi kerajaan elektronik, sistem teleperubatan, sistem perdagangan elektronik dan sistem kad pintar. Pembangunan konsep bandar pintar juga tidak meninggalkan aspek pembangunan Masyarakat Global Bermaklumat (MGB). Pembangunan MGB memberi tumpuan kepada pembangunan manusia termasuk aspek pengetahuan, jasmani dan rohaniah. Bandaraya Bestari, Bandaraya Taman Putrajaya serta Bandar Pintar Cyberjaya merupakan contoh terbaik di negara ini yang menerima pakai konsep bandar pintar kerana terletak dalam kawasan MSC. Namun begitu `pintar`nya bandar pintar sering dibicarakan dalam konteks pembangunan fizikal (urbanisasi dan urbaniti) seperti kemajuan kemudahan ICTs. Jarang sekali dibicarakan dalam konteks pembangunan MGB khususnya dari aspek pemikiran (urbanisme). Justeru, perbincangan ini melihat isu pemikiran pembandaran bandar pintar yang dikenali sebagai siber urbanisme yang menyentuh perubahan sosio-teknologi MGBnya. Tumpuan utama melihat pemikiran siber urbanisme penduduk Melayu di Putrajaya dalam menghadapi arus kemajuan ICTs dan kemajuan sebagai MGB. Isunya, bagaimanakah keadaan penerimaan kemajuan ICTs oleh orang-orang Melayu yang mendiami Putrajaya ? Apakah jenis pemikiran siber urbanisme mereka sebagai MGB kesan daripada penerimaan konsep bandar pintar tadi ? Adakah ianya sesuai dengan jatidiri dan budaya mereka ? Sehubungan itu, kertas kerja ini cuba membincangkan pemikiran siber urbanisme penduduk Melayu mengenai pembangunan Putrajaya dan pembangunan MGB. Metod yang digunakan ialah analisis kualitatif berasaskan maklumat daripada dialog dengan para penduduk. Hasil kajian mendapati 12 jenis pemikiran siber urbanisme telah ditemui iaitu sama ada bersifat pemikiran siber urbanisme positif atau siber urbanisme negatif yang memberi cabaran kepada pembangunan bandar pintar dan MGB.

Pengenalan

Bagaimana pemikiran Melayu dalam penerimaan aplikasi bandar pintar ? Persoalan ini jarang dibincangkan kerana isu ini agak baru dan belum popular. Tetapi kesannya agak besar kerana proses kemajuan sesuatu bandar pintar bergantung kepada penerimaan pemikiran masyarakat yang mendiaminya. Persoalan pemikiran bandar (urbanisme)¹ banyak menyangkut kepada perbincangan falsafah kehidupan individu di mana mereka tinggal yang bukan sahaja menyentuh aspek material tetapi juga menyentuh aspek bukan material seperti persoalan budaya pemikiran yang kadang kala menyentuh perkara moral, nilai dan persoalan metafizik.

Pemikiran Melayu mengenai perbandaran terserlah bila pembangunan era Mahathirisme yang merealisasikan Bandar Pintar Putrajaya. Bandar ini dibangunkan atas usaha dan diteraju oleh bangsa Melayu sendiri yang tidak meminggirkan peranan etnik lain berdasarkan majoriti kakitangan yang mentadbirnya adalah orang Melayu. Tambahan pula penduduk di Bandar Pintar Putrajaya buat masa ini lebih kurang 70% daripada jumlah penduduknya terdiri daripada golongan kelas menengah Melayu. Menurut Banci tahun 2000 jumlah penduduk bangsa Melayu di awal pembukaan Bandaraya Putrajaya ialah lebih kurang 83% dari jumlah 7,223 penduduk². Apa yang unik dalam pembangunan Bandar Pintar Putrajaya ialah bukan hanya dilihat kepada senibina dan estetikanya sahaja. Tetapi harus dilihat kepada persoalan pengisian pemikiran dan perubahan budaya baru yang timbul daripada pelaksanaan ICTs sebagai infrastruktur utama bandar khususnya merealisasikan konsep bandar pintar³ dan mewujudkan masyarakat global bermaklumat (MGB) yang berketrampilan.

Bila membicara kesan penggunaan ICTs dalam konteks membincangkan pemikiran urbanisme Melayu di bandar pintar ianya tidak terkecuali bukan sahaja menyentuh persoalan pemikiran. Tetapi ia juga menyentuh persoalan urbanis iaitu penggerak kemajuan bandar itu sendiri. Urbanis yang dimaksudkan termasuk lapisan kaum Melayu yang mendiami bandar-bandar sama ada daripada golongan kelas atasan, kelas menengah dan kelas bawahan. Justeru itu, di sini timbul kepelbagaian pemikiran sama ada bersifat takulan, menerima berhati-hati atau yang menentang ICTs. Dalam pada itu ianya menjana kewujudan kepelbagaian pemikiran *Cyberculturalism*⁴ di era ICTs. Kepelbagaian *Cyberculturalism* ini bukan sahaja membezakan identiti dan pemikiran di antara kelas masyarakat. Tetapi juga membezakan pemikiran individu dalam kelas masyarakat di bandar itu sendiri yang dinamakan Siber urbanisme. Namun begitu perbincangan ini hanya melihat kepada kepelbagaian pemikiran Siber urbanisme isi rumah kelas menengah Melayu

bandar pintar khususnya di Bandar Pintar Putrajaya. Tujuannya ialah untuk melihat sejauh mana identiti mereka sama ada telah memasuki era masyarakat global bermaklumat (MGB) ataupun belum. Ini sejajar dengan perkembangan Bandar Putrajaya itu sebagai bandar pintar.

Epistemologi Siber urbanisme

Epistemologi siber urbanisme yang dibicarakan adalah cenderung kepada teori pluralisme dan teori kritik *Technoculture*⁵ yang mana telah melihat kepelbagaian pemikiran siber urbanisme sama ada di peringkat authority define dan sosial kategori. Epistemologi ini banyak didorong oleh pemahaman bahawa manusia sebagai makhluk yang berfikir dan pemikirannya adalah pelbagai sebagaimana peribahasa 'rambut sama hitam tetapi hati lain-lain'. Ianya juga mempengaruhi pola penerimaan mereka kepada kemajuan ICTs iaitu berdasarkan sifat, identiti, kecenderungan dan keupayaan masing-masing. Apa bila membicarakan pemikiran siber urbanisme orang-orang Melayu di bandar pintar ianya boleh dibahagikan kepada empat pola pemikiran; pertama sifat pemikiran menerima terus kemajuan tanpa berbolak-balik kerana merasakan sesuatu kemajuan itu memberi kebaikan sepenuhnya. Pola pemikiran sebegini timbul sama ada dipengaruhi oleh kaum kerabatnya atau masyarakat sekeliling. Keduanya pemikiran menerima secara berhati-hati sesuatu kemajuan dan tidak menolak sepenuhnya tetapi agak terkemudian menerima kemajuan daripada pola pemikiran yang pertama tadi. Ketiganya pemikiran mengkritik sesuatu kemajuan dengan menimbang tara kaedah dan kesan daripada kemajuan tadi. Pola pemikiran ini bebas menolak atau menerima kemajuan dan bersifat berdikari. Manakala yang keempat ialah golongan berfikiran menolak terus kemajuan dan biasanya bersifat menentang sama ada bercorak kepartian dan bukan kepartian.

Begitu juga bila merujuk teori pluralisme dan kritik budaya berteknologi ICTs (*technoculture*) ianya mencorak kepada kepelbagaian epistemologi pemikiran siber urbanisme Melayu yang agak sukar difahami. Mungkin persoalan ini boleh diungkap dengan menggunakan metodologi luar kebiasaan penyelidikan seperti menggabungkan pendekatan positivisme dengan paska positivisme sebagai contohnya mengapa tidak dilihat kepada peranan bahasa berdasarkan dialog yang diluahkan di samping kaedah antropologi yang ada. Antaranya mengenali pemikiran dan perwatakan mereka berdasarkan luahan dialog yang dikeluarkan semasa berbual dan menemu duga. Ini bermakna pendekatan dialog berkomunikasi boleh mencungkil corak pemikiran siber urbanisme mereka asalkan dapat mencapai matlamat kajian.

Dalam perbincangan ini metodologi yang digunakan lebih mendekati kaedah yang diperkenalkan oleh Habermas ⁶ seorang pengkritik *technoculture* yang merupakan pelopor pemikiran peranan komunikasi dalam pembangunan. Beliau merupakan seorang sarjana generasi kedua di Frankfurt School. Menurut beliau peranan komunikasi itu sendiri dapat meluahkan kritikan dan muhasabah kepada kemajuan yang diperkenalkan serta melahirkan dialog-dialog baru sama ada bersifat kritis atau menentang yang boleh menjadi petunjuk kepada ke arah pembaikan strategi dan pelaksanaan pembangunan. Daripada pemikiran *technoculture* dan serta berkembangnya penggunaan ICTs maka lahir budaya berkomunikasi digital yang rata-rata mencorakkan lagi gaya berkomunikasi dan berwacana yang berbeza sama ada melalui teknologi telekomunikasi atau teknologi rangkaian komputer.

Menurut Habermas budaya berwacana itu wujud bila berlakunya komunikasi antara manusia. Zaman ICTs ini berkomunikasi kini merupakan satu suasana utopia era pasca moden di mana makna, maksud dan cita rasa kehidupan tidak lagi ditentukan oleh cara berkomunikasi menurut kehendak pemerintah, struktur dan institusi. Tetapi setiap individu dan kelompok bebas berkomunikasi dan menyampaikan makna tadi yang menimbulkan perbezaan dan pertentangan yang akhirnya membawa kepada sifat kepelbagaian. Falsafah Habermas mengenai rasionaliti berkomunikasi ialah pertamanya tidak bertujuan untuk mewujudkan persaingan tujuan dan matlamat, kedua ia tidak sepenuhnya sebagai strategi untuk mencapai kejayaan. Tetapi yang lebih bermakna yang ketiganya iaitu lebih bertujuan bekerjasama memahami bahasa yang disampaikan dan makna di sebalik berkomunikasi itu sendiri. Akhirnya keempat ia membawa kepada konsep keterbukaan mengkritik, menzahirkan alasan yang terbaik, membuat keputusan dan tindakan atas dasar apa yang dipercayai daripada berkomunikasi tadi.

Pembangunan ICTs di bandar pintar telah membawa kegiatan berkomunikasi dan berwacana yang lebih luas dan berbagai dalam penggunaan reruang siber ⁷. Apa bila berbalik kepada kepenggunaan kemudahan ICTs tadi, maka ianya berkait rapat dengan faktor manusia yang mempunyai kuasa pemikiran yang berbeza dalam penerimaan berkomunikasi dan berwacana di ruang siber. Semua perbezaan tadi bergantung kepada motif setiap manusia dan biografi kehidupan yang dilalui seharian serta pengalaman yang mereka hadapi serta pelajari. Akhirnya membawa kepada empat perbezaan epistemologi siber urbanisme yang akan menjadi asas kepada kepelbagaian pemikiran siber urbanisme orang-orang Melayu di bandar pintar. Empat perbezaan epistemologi siber urbanisme tersebut adalah seperti berikut:-

Pertama, *Authority cyberurbanism* iaitu corak pemikiran yang lebih cenderung kepada etika utilitarianisme, totalitarian dan authoritarian. Ini kerana adalah menjadi tanggung jawab sosial pemerintah bagi memastikan dasar dan perancangan perbandaran berjaya. Cadangan dari peringkat atasan mesti diikuti oleh peringkat bawahan, kalau ada memberi peluang bersuara adalah mengikut budi bicara atau yang telah diperuntukkan oleh undang-undang. Identiti golongan ini lebih instrumentalis dan pragmatis. Hasil daripada pemikiran sebegini lahirlah dasar-dasar seperti Pelan Teknologi Maklumat Negara, Undang-undang Siber dan Dasar Ekonomi Berasaskan Pengetahuan.

Kedua, pemikiran *Birokratic cyberurbanism* iaitu lebih bercorak idealisme dan kepatuhan (takulan). Pemikiran ini sangat taat kepada kehendak pemerintah dengan akur dalam melaksana dasar pentadbiran kerajaan bagi memastikan pembangunan perbandaran berjalan lancar. ICTs dijadikan alat untuk membantu melicinkan pentadbiran seperti mana pelaksanaan sistem kerajaan elektronik. Dalam pada itu diberi tugas dan tanggung jawab menggubal dasar dalam menentukan prosedur dan tatacara penggunaan ICTs dalam pentadbiran. *Birokratic cyberurbanism* sangat memastikan pentadbiran perlu ikut prosedur, perundangan, malah dituntut supaya cekap, efisien dan sentiasa mengikut arahan daripada 'authority siber urbanisme'. Golongan berfikiran ini biasanya menjadi pengantara kepada 'Consumer cyberurbanism' dan 'Constructive Cyberurbanism' dengan pihak 'authority cyberurbansime'. Identiti pemikiran golongan ini lebih bersifat instrumentalis iaitu identiti yang didorong.

Ketiga, *Consumer cyberurbanism*⁸ iaitu lebih berfikiran universalisme dan menjaga kepentingan pengguna serta kepentingan manusia itu sendiri. Pemikiran sebegini ada kalanya menjaga kebajikan semua pihak dan kejayaan setiap individu. Tuntutan hak dan kedaulatan seperti mana yang diperuntukkan oleh undang-undang dalam pembangunan ICTs diperjuangkan dengan memberi kebebasan semua pihak mempelopori teknologi ICTs sama ada sebagai pengusaha atau pengguna. Konsep adaptasi, difusi dan inovasi ICTs sangat dititik beratkan sama kepada semua jantina, kaum, etnik dan lapisan masyarakat. Hasil pemikiran budaya konsumer ini antaranya ialah lahir golongan yang berusaha memonopoli kemajuan teknologi dan ada golongan yang menentang usaha memonopoli teknologi sebagai mana kes Bill Gates VS Kerajaan Amerika Syarikat. Identiti golongan ini lebih situasionalis iaitu menurut situasi dan perkembangan global sama ada mereka menerima proses globalisasi sepenuhnya, menerima sebahagian atau menolak terus proses globalisasi tersebut. Ini bermakna pemikiran *Consumer cyberurbanism* adalah hasil fenomena kosmopolitan di era teknologi maklumat.

Keempat, *Constructive cyberurbanism*⁹ iaitu berfikiran kritis, kreatif, dinamik serta kebolehbinaan. Ada juga mereka yang berfikiran *Constructive cyberurbanism* menganut teori kritik yang membentuk jiwa mereka sama ada cenderung kepada evolusi atau revolusi. Fenomena ini nampak lebih ketara di era paska-modernisme dan paska-strukturalisme. Golongan yang berfikiran ini nampaknya memperjuangkan hak seluasnya mengikut kategori, biografi, ethnografi dan kepelbagaian etnik serta kelompok masyarakat yang lebih kecil dan kompleks. Sesetengah pandangan mereka agak revolusi terutama merujuk kepada kelompok kecil atau peringkat bawahan yang agak terpisah dari arus perdana. Biasanya pemikiran golongan ini agak bertentangan dengan *authority cyberurbanism* dan *birokratic cyberurbanism*. Identiti golongan ini lebih bersifat konstruktif dan aktivis yang berkomunikasi serta berwacana tanpa kawalan 'authority define'. Sikap dan identiti mereka ini meluaskan lagi makna *technoculture* serta kritik bahawa membudayakan teknologi perlu ada pertimbangan yang pelbagai (plural) serta 'check and balance' supaya konsep konstruktif yang sihat terbina di kalangan individu, ahli keluarga, komuniti dan masyarakat keseluruhannya. Dalam pada itu ianya merapatkan lagi jurang perbezaan digital dalam pembangunan MGB khususnya.

Justeru itu, apa yang penting *authority cyberurbanism* dan *birokratic cyberurbanism* lebih berpandangan 'authority define' yang bersifat objektif. Sementara *consumer cyberurbanism* dan *constructive cyberurbanism* lebih kepada pandangan 'everyday define' iaitu dari nilai sosial kategori yang berbeza dan bersifat subjektif. Semua kepelbagaian siber urbanisme akan dijelaskan secara terperinci dari segi ontologinya selepas ini.

Ontologi Kepelbagaian Siber urbanisme

Apakah sebabnya berlaku kepelbagaian siber urbanisme ? Berbalik kepada perbincangan sebelum ini bahawa berkomunikasi dan berwacana tadi membawa kepada persoalan-persoalan subjektif. Persoalan yang subjektif tadi mendasari corak kepelbagaian yang membawa maksud kepada sejauh mana penerimaan konsep dan perancangan bandar pintar itu terutama kepada yang merancang dan yang dirancang. Ini bermakna pandangan orang yang merancang berbeza daripada pandangan orang yang dirancang. Kadang kala membawa kepada pertentangan antara mereka dan jika tidak terkawal ianya boleh membawa kepada krisis.

Sebagai contoh *Authority define* sifatnya lebih berpandangan sivil iaitu dari sudut pihak yang berkuasa dan birokratik. Bagi golongan ini sesuatu pembangunan seharusnya memberi kebaikan dan faedah yang maksimum kepada majoriti manusia. Ianya menjadi agenda utama dalam pembangunan ICTs di bandar pintar. Pembangunan infrastruktur ICTs diutamakan dan mahukan rakyat menerima demi mencapai kemajuan negara dan bangsa. Identiti yang ditekankan ialah bersifat instrumentalis. Namun begitu pemikiran siber urbanisme *authority define* adalah bersifat pelbagai di mana ada kategorinya. Kategorinya adalah seperti berikut:-

i. *Technotopianism* merupakan pemikiran siber urbanisme dalam bentuk instrumentalis iaitu memperlihatkan pemikiran panopticon, kelengkapan utiliti, tidak menolak kemajuan, terus menerima, bersangka baik terhadap ICTs, banyak melihat aspek estetika sama ada digambarkan melalui rekabentuk bandar, kelengkapan infrastruktur dan kecanggihan infrastruktur itu sendiri. Walau bagaimanapun di sebalik kecanggihan infrastruktur ICTs fungsi dan kesesuaian teknologi tetap diambil kira demi keperluan manusia. Antara contoh konsep bandar pintar seperti ini ialah seperti *wired city*, *smart city* dan *intelligent city*¹⁰ yang banyak melaksana idea pembangunan infrastruktur ICTs di bandar pintar. Idea-idea tadi diguna pakai oleh banyak negara sehingga menjadi agenda pembangunan yang utama seperti projek Bandaraya Bestari Putrajaya dan Bandar Bestari Cyberjaya. Pemikiran *technotopianism* ini banyak dianuti oleh golongan yang merancang pembangunan.

ii. *Technonationalism* iaitu pemikiran siber urbanisme yang melihat ICTs sebagai titik tolak kepada pembentukan perubahan budaya dan perubahan sosial bagi pembangunan bangsa di peringkat nasional. Sifat-sifat positif seperti daya inovatif, kreatif dan proaktif digalakkan dalam menyumbangkan proses penciptaan teknologi baru ICTs. Semua ini cuba diterjemah dalam konsep bandar pintar yang lain seperti bandar inovatif¹¹, *knowledge city*, *technopolis*¹², *information city*¹³ dan *competitive city*. Pembangunan bandar ini dikaitkan pula dengan usaha membangunkan keusahawanan, pekerja berpengetahuan, masyarakat berpengetahuan di peringkat nasional. Semuanya ini menyumbang kepada pembangunan sumber manusia sains dan teknologi demi wawasan pembangunan sesuatu negara. Pemikiran *technonationalism* ini ramai dianuti oleh golongan pemimpin dan negarawan.

iii. *Technouniversalism* iaitu suatu pemikiran siber urbanisme yang ingin mencapai standad global daripada proses globalisasi. Ianya diterjemah dalam konsep bandar pintar berbentuk bandar global, bandar berangkaian elektronik, *networking city*¹⁴, bandar sejagat, *world-class city*, *world city* dan sebagainya. Pemikiran sebegini timbul dengan andaian bahawa perubahan pemikiran universal itu perlu demi membentuk masyarakat yang lebih terbuka dan bersedia menghadapi cabaran global untuk kemajuan negara. Ekoran dari itu, timbul istilah masyarakat global bermaklumat (MGB) yang kini menjadi agenda penting dalam pembangunan bangsa di negara-negara dunia sedang membangun. Biasanya pemikiran technouniversalism ini dianuti oleh 'authority define' yang menerima sepenuhnya proses globalisasi atau menerima sebahagian daripada proses globalisasi itu.

iv. *Technosustainism* ialah suatu pemikiran perbandaran 'authority define' yang menumpukan kepada penjagaan persekitaran yang mapan dalam semua aspek seperti aspek persekitaran, keselamatan, ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Konsep bandar pintar yang diterjemahkan ialah seperti bandar mapan, bandar sejahtera, bandar selamat, sociopolis dan *eco-media city*. ICTs yang menjadi pemangkin kepada infrastruktur bandar dianggap sebagai teknologi mesra alam yang mesra juga kepada kehidupan manusia. ICTs yang dibangunkan melalui konsep *eco-media city*¹⁵ dapat meningkatkan taraf hidup dan menjaga kualiti persekitaran manusia yang lebih mapan. Simbiosis antara alam semulajadi, binaan buatan manusia dan ICTs dapat meningkatkan lagi kemapanan kehidupan manusia sama ada dari segi kualiti hidup, berkomunikasi dan kualiti alam sekeliling. Pemikiran technosustainism biasanya dianuti oleh pencinta alam sekitar dan golongan yang bertanggung jawab menjaga alam sekitar.

v. *Technoholisticism* ialah suatu pemikiran perbandaran yang melihat peranan agama dan spiritual memainkan peranan penting dalam pembangunan ICTs, MGB dan pembangunan fizikal. ICTs dilihat juga berperanan sebagai pemangkin dakwah dan nilai keagamaan yang diterjemah dalam konsep bandar pintar bermaklumat seperti bandar madani, masyarakat sivil, bandar daulah ketuhanan, bandar keadilan, bandar kemanusiaan dan bandar berinformati. Pemikiran ini menjadi nilai sivil dengan mengambil kira persoalan metafizik dan

holistik dalam pembangunan seperti memperlihatkan hubungan manusia dengan Penciptanya termasuk hubungan manusia dengan manusia. Antara contoh yang boleh dilihat ialah konsep bandar Islam, bandar serambi Mekah, kota budaya dan Bandar Fikrah yang dilaksana oleh sesetengah kerajaan negeri. Pemikiran ini banyak dipelopori oleh golongan agamawan dan golongan yang melihat kepentingan peranan agama dalam pembangunan.

Namun begitu apa yang lebih penting diberi tumpuan dalam konteks perbincangan ini ialah siber urbanisme menurut pandangan *everyday define*. Konsep siber urbanisme ini lebih berpandangan konsumer dan konstruktif sifatnya yang wujud daripada pandangan sosial kategori dan etnografi. Justeru itu pandangannya agak bertentangan dengan matlamat sivil dan menjadi petunjuk kepada kekuatan, kelemahan, peluang serta ancaman kepada kemajuan bandar pintar. Ini kerana Siber urbanisme *everyday define* adalah bersifat subjektif. Mereka ini bebas memilih sama ada menerima sepenuhnya, menerima dengan berhati-hati, menafikan sebahagian kebaikan dan yang terakhir menafi terus kebaikan ICTs. Fenomena ini telah dilihat secara klasifikasi oleh Rogers ¹⁶ seperti mana melihat tahap penerimaan teknologi masyarakat sama ada dalam klasifikasi inovatif, penerima awal, majoriti awal, majoriti akhir dan golongan ketinggalan. Ianya lebih tergambar identiti mereka sama ada identiti menurut situasi, konstruktif dan aktivis yang berbagai bergantung kepada kecenderungan masing-masing. Justeru itu, kepelbagaian pecahan pemikiran siber urbanisme *everyday define* itu adalah seperti berikut:-

i. *Technoheterotopianism* ¹⁷ merupakan pemikiran siber urbanisme *everyday define* berdasarkan pandangan sosial kategori terhadap kegunaan ICTs yang berbeza-beza. Bagi mereka, ada yang berpendapat ICTs bukan hanya melengkapkan utiliti perbandaran tetapi banyak pecahan dan fungsinya adalah subjektif. Pada pandangan mereka bila membicara ICTs ia bukan setakat melihat kelengkapan dan kecanggihan ICTs, tetapi termasuk melihat kepada kandungan (content), perkomputeran (compute) dan talian sambungan (conduit), multimedia, *digital photographic* serta *digital publishers* yang memberi faedah kepada manusia. Ini termasuk menganggap bahawa setiap technoculture itu mempunyai bahasa-bahasanya sendiri yang difahami dan sukar difahami. Antara contohnya ialah bahasa SMS, chatting dan sebagainya yang mengguna bahasa ringkas. Bahasa SMS misalnya menggunakan bahasa ringkas seperti 'Allo aslmk ape khabar' (Hello, Assalamualaikum. Apa Khabar). Ini semua menggambarkan

budaya berbahasa Melayu telah berubah menggunakan ejaan ringkas dan perkataan ringkas dalam SMS. Malah bahasa ringkas ini ada kod-kod dan imej yang tertentu yang menggambarkan sesuatu maksud.

Tambahan pula dikesinambungkan dengan kegunaan ICTs dalam aspek keselamatan, estetika, kepenggunaan dan sebagainya. Pemikiran bersifat situasionis baru ini menjadi budaya yang bercambah kepada pengguna-pengguna ICTs sekarang ini. Malah, budaya teknologi kebendaan sekarang ini menjadi lebih kecil (nano technology). Ianya boleh dibawa kemana-mana seperti gabungan telefon mudah alih dan kamera digital yang menyumbang penghasilan kandungan seperti gambar, imej dan suara pada kadar yang segera.

ii. *Technoromantism* merupakan pemikiran siber urbanisme sosial kategori yang berpandangan simpatik, empatik dan sentimental kepada golongan yang lemah, terpinggir dan dipinggirkan dalam arus kemajuan ICTs dan bandar pintar seperti kepada ibu tunggal, golongan kurang upaya, warga tua dan kanak-kanak miskin. Bagi mereka dalam kemajuan bandar pintar masih ada golongan ketinggalan atau tersisih. Technoromantism biasanya mempunyai pemikiran normatif dan kritis dan dipelopori oleh individu yang prihatin yang turut dipejuangkan oleh NGOs atau pertubuhan tertentu demi kepentingan kelompok mereka, komuniti, kepentingan nasional dan kepentingan sejagat. Pemikiran ini boleh dalam bentuk kepartian dan non-partisan yang berjuang bagi menegakkan hak golongan terpinggir atau golongan yang disisihkan. Biasanya pemikiran ini mengambil jalan sama ada bertentangan dengan agenda pemerintah atau selari dengan dasar pemerintah.

iii. *Technohumanism* ¹⁸ suatu pemikiran siber urbanisme yang sangat mementingkan kebebasan manusia mengeluar dan menggunakan teknologi ICTs. Bagi golongan ini kewujudan teknologi ICTs adalah untuk faedah dan kebebasan manusia menggunakannya dalam kehidupan seharian mereka. Bagi mereka teknologi adalah alat untuk mencapai kehendak nafsu manusia dan mestilah berbaloi dengan keperluan manusia (Human). Walau bagaimanapun ada yang mengambil kira nilai moral seperti nilai estetika dan nilai etika supaya sesuai dengan kehendak dan fitrah kebebasan manusia. Tetapi ada juga yang

mengenepi nilai moral dan merasakan penggunaan teknologi ICTs itu benar sekiranya tidak bertentangan dengan nilai norma manusia. Ertinya perjuangan golongan humanisme seperti *cyberfemenism*, golongan gay, cyber-nazi dan halaman anti-sosial yang lain seperti laman sawang pronografi tetap mendapat tempat dalam komputer serta dijadikan topik perbincangan secara `on-line' asalkan tidak dicapai oleh golongan bawah 18 tahun. Bagi golongan ini kebebasan dan hak mereka seharusnya dibenarkan selagi tidak menghalang kebebasan manusia dan hak tubuh diri manusia itu sendiri.

Ini bermakna kebebasan manusia menggunakan ICTs untuk kebaikan manusia sangat diperjuangkan sebagai contohnya mereka mencipta teknologi menggunakan tenaga solar serta teknologi digital dengan memberi kebebasan berfikir, kreatif, inovatif tanpa had. Sehingga kini ada yang membawa kepada pengklonan bukan sahaja dari aspek teknologi kebendaan malah aspek biologikal yang kadang kala bertentangan dengan nilai agama serta fitrah manusia (fenomena post-human).

iv. *Technoholicism* ialah satu pemikiran negatif yang terlalu ketagih dan taksu kepada penggunaan teknologi ICTs. Ketagihan dan ketaksu tadi mengancam kehidupan normal pengguna seperti meninggalkan kehidupan rutin harian semata-mata seronok untuk melayari internet. Bagi yang berfikiran *technoholicism* ini juga fitrah kehidupan mereka seperti bergaul dengan orang ramai, kepentingan rumah tangga dan masa senggang telah diambil alih oleh ketaksu mengguna teknologi tadi. Antara tanda-tanda mereka yang berfikiran *technoholicism* ialah mereka takut untuk ketinggalan dalam arus kemajuan teknologi, merasakan keperluan teknologi ICTs sangat penting dan tiada pilihan lagi (determinism), mengutamakan perbelanjaan harian untuk mendapatkan kemudahan, menyisihkan diri dari masyarakat serta keluarga dan suka menyendiri¹⁹. Justeru, kesan dan akibat mereka yang berfikiran *technoholicism* tadi ialah; pada awalnya ketagihan teknologi yang menyebabkan terjejas ekonomi kerana mengejar produk baru, kemudian membawa kesan kepada masalah psikologi iaitu ketagihan teknologi serta tidak mahu bergaul dengan orang ramai dan seterusnya kesan kepada biologi seperti menjadi gemuk dan rabun mata kerana terlalu asyik melihat komputer dan internet.

v. *Technooppositionism* ialah suatu pemikiran nilai sosial kategori yang mengkritik kepada kebaikan ICTs dan mempertahankan penggunaan manual. Bagi mereka ICTs banyak mendatangkan masalah, kesan buruk yang pelbagai kepada manusia, dunia pekerjaan, sosial dan keselamatan. Bagi mereka ICTs itu sendiri banyak membawa kepada budaya kebendaan dan menganggap manusia sebagai mesin yang menjadi hamba kepada matlamat kebendaan tadi. Pada pandangan mereka akibat penggunaan ICTs banyak membawa kepada manusia kurang berinteraksi secara manual (bersua muka) dan merenggangkan jurang sosial. Selain itu juga mengurangkan peluang pekerjaan, meningkatkan jurang tenaga kerja dan menimbulkan penyakit baru seperti gila internet, *computer game* dan sebagainya. Biasanya golongan ini mengambil keputusan memboikot penggunaan ICTs atau tidak menjadikan ICTs sebagai infrastruktur utama dalam kemajuan kehidupan mereka. Lebih kritikal lagi mereka menganggap produk ICTs merupakan mainan kapitalis untuk mendapatkan keuntungan maksimum yang merampas nilai-nilai kemanusiaan.

Ini bermakna *technooppositionism*²⁰ masih lagi mempertahankan kuasa manusia sebagai khalifah yang tidak dapat diatasi oleh kuasa mesin. Ketepatan pemikiran manusia tidak boleh disamakan dengan ketepatan pembacaan komputer sebagai contohnya dalam membaca data dan maklumat. Ini disebabkan ketepatan dan data dan maklumat tadi bergantung kepada input dan kawalan manusia itu sendiri yang mempunyai kuasa meminda, memperbetul dan memalsukan data atau maklumat.

vi. *Technophobicism* merupakan pemikiran siber urbanisme sosial kategori yang timbul daripada individu yang bersikap takut, bimbang, waswas dan fobia kepada penggunaan ICTs. Golongan ini tinggal di bandar pintar tetapi cuba memisahkan diri dan takut hendak mengguna ICTs. Sikap mereka lebih bergantung kepada orang lain dan mereka boleh dianggap sebagai golongan *cyberghetto*²¹ dalam bandar pintar. Semua ini menjadi punca kepada kejadian jurang digital, jurang siber, jurang bermaklumat dan jurang berpengetahuan dalam MGB. *Technophobicism* tidak semestinya terikat dengan gender atau kedudukan dalam lapisan masyarakat, tetapi bergantung juga kepada sikap individu itu sendiri iaitu

bagaimana pendidikan yang diterima, asuhan, emosi dan psikologi yang dialaminya.

Walau bagaimanapun technophobia ini adalah bersifat sementara berbanding dengan *technooppositionism*. Jika individu yang mengalaminya tadi diberi asuhan, bimbingan, perhatian dan tunjuk ajar secukupnya, pemikiran technophobia ini tadi akan hilang sedikit demi sedikit. Banyak program asuhan ini telah berjaya mengubah sikap manusia seperti program memperkenalkan ICTs kepada golongan warga tua, kanak-kanak dan ibu tunggal yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

vii. *Technodystopianism* merupakan pemikiran siber urbanisme bandar pintar yang anti technoheterotopianism. Mereka menganggap ICTs menjadi landasan bagi mencipta kekayaan dan keseronokan walau tidak mengikut lunas undang-undang. Mereka sanggup menggunakan kepandaian ICTs untuk melakukan jenayah siber, jenayah komputer seperti golongan *hackers*. Penjenayah komputer, penjenayah siber dan sebagainya itu sanggup demi nama 'kebebasan' menggunakan ICTs untuk keseronokan melihat sistem komputer individu dan organisasi lain diceroboh atau musnah. Penghantaran virus komputer, mailbomb, imej lucah, surat layang dan sebagainya menjadi mainan hidup mereka yang sudah tentu tidak mempromosikan identitinya. Mereka juga dianggap golongan *cyberghetto*²² di bandar pintar.

Biasanya golongan yang berfikiran *technodystopianism* dihukum oleh undang-undang atau mereka insaf sendiri. Terdapat mantan berfikiran sebegini berjaya menjadi usahawan ICTs yang ternama seperti saudara Bill Gates. Dalam pada itu ada yang telah selesai menjalani hukuman sudahpun diambil bekerja oleh syarikat tertentu untuk menjaga keselamatan sistem komputer mereka. Ini bermakna dari satu sudut positif golongan berfikiran *technodystopianism* memberi kebaikan kepada perkembangan dunia teknologi ICTs. Tetapi matlamat tidak semestinya menghalalkan cara dan yang lebih penting janganlah kepandaian dalam bidang ICTs menjadi asas untuk mengaut keuntungan sebanyak mungkin daripada kesusahan orang lain. Cukup dunia telah tertipu dengan gambar gembur fenomena Y2K (Millennium Bug) yang lalu. Fenomena

Y2K tidak sehebat mana tetapi golongan yang mencipta perisian penafian Y2K mendapat untung besar.

Kepelbagaian `Siber urbanisme' Melayu Bandar Pintar Putrajaya

Bandar Pintar Putrajaya merupakan bandar taman yang berperanan sebagai bandar pentadbiran persekutuan yang baru menggantikan Kuala Lumpur dan terletak dalam kawasan MSC. Menurut sejarahnya Bandar Pintar Putrajaya di bina kerana memindahkan semua pentadbiran kerajaan di peringkat Kementerian ke situ untuk mengelakkan suasana kesesakan di Kuala Lumpur. Dalam pada itu kawasan ini dihubungi dengan sistem pengangkutan jalan raya bertaraf lebih raya di samping perkhidmatan ERL yang menghubungkan KL Sentral, Putrajaya dan KLIA. Konsep pintar yang dimaksudkan ialah merealisasikan ICTs sebagai infrastruktur utama bagi membantu perjalanan bandar sama ada dalam aspek komunikasi, pengurusan perniagaan, kegiatan ekonomi, pengurusan pengangkutan dan pentadbiran kerajaan. Adalah dijangkakan pada tahun 2005 jumlah penduduk Bandar Pintar Putrajaya akan meningkat kepada 250,000 orang. Dijangkakan juga majoriti penduduk Bandar Putrajaya adalah berbangsa Melayu yang mana lebih 70 peratus bekerja dalam sektor kerajaan.

Namun begitu dalam perbincangan kertas kerja ini hanya 124 orang responden kelas menengah Melayu yang dikaji iaitu ketua isi rumah yang tinggal di Putrajaya. Jumlah responden tersebut lebih 90% daripada mereka yang bekerja dalam sektor kerajaan. Berdasarkan kajian tersebut analisis dibuat bagi menentukan kedudukan indeks kumulatif MGB di kalangan Melayu Bandar Pintar Putrajaya berdasarkan skala Rogers²³ dan analisis johoka sakai yang diubah suai. Indeks kumulatif tersebut berasas pengukuran yang menggunakan angkubah-angkubah di bawah komponen *humanware*, *technoware*, *inforware* dan *valueware*²⁴. Untuk kesesuaian kajian, skala Rogers dan Johoka sakai tersebut dipecahkan lagi mengikut kesesuaian kajian bagi memperincikan lagi kedudukan indeks MGB. Hasil kajian mendapati indeks kumulatif pencapaian MGB kalangan penduduk Melayu yang menjadi responden di Bandar Pintar Putrajaya adalah seperti di jadual berikut:-

Kedudukan Indeks	Bilangan	Peratus
Inovatif	-tiada-	0.0
Penerima awal tahap tinggi	1	0.8
Penerima awal tahap rendah	10	8.1
Majoriti awal tahap tinggi	25	20.2
Majoriti awal tahap rendah	49	39.5
Majoriti akhir tahap tinggi	35	28.2
Majoriti akhir tahap rendah	4	3.2
Ketinggalan	-tiada-	0.0
Jumlah	124	100.0

Berdasarkan kedudukan indeks tersebut, metod pemahaman menghuraikan kritik `technoculture' dan kepelbagaian pemikiran siber urbanisme hanya menumpukan kepada pandangan pihak sosial kategori. Pandangan yang diambil berdasar kepada tinjauan dialog dengan responden. Ianya melihat kepada pandangan mereka secara spontan mengenai perkembangan Putrajaya dan pelaksanaan ICTs. Dalam pada itu kajian ini juga melihat kepada simiotik yang merangkumi simbol atau tanda-tanda yang ada di sekeliling mereka untuk memahami kecenderungan pemikiran siber urbanisme mereka. Dialog-dialog yang timbul secara spontan di kalangan responden sama ada bersifat hujah sivil atau hujah sosial kategori adalah mengambil kira semua kedudukan indeks MGB . Ini bermakna dialog yang dipetik telah mengambil kira pandangan dari golongan penerima awal, majoriti awal, majoriti akhir yang menggambarkan aspek pro dan kontra pembangunan bandar pintar dan MGB di Putrajaya.

i. Technoheterotopianism

Semasa kajian ini dibuat dialog yang tidak puas hati dengan pembangunan dan kelengkapan infrastruktur di Bandaraya Putrajaya telah terselah. Ini disebabkan penumpuan pembangunan infrastruktur tidak boleh memuaskan hati responden sepenuhnya. Ini kerana pendapat sivil berlainan dengan pendapat everyday define yang mempunyai pandangan sosial kategorinya sendiri. Sikap mengharapkan perhatian pihak berwajib sangat terserlah bila timbul dialog-dialog seperti `saya tidak didedahkan dengan cyberlaw'²⁵ , `rumah saya tiada talian telefon'²⁶ dan `saya beli rumah di sini sangkakan ada fiber optik tetapi tiada...mana bandar pintarnya ?'²⁷ . Dialog-dialog ini semua timbul kerana mereka merasakan kelengkapan infrastruktur seharusnya tiada cacat cela disebabkan pembangunan Bandaraya Putrajaya sebagai bandar pintar adalah projek utama kerajaan. Kesan dialog-dialog tadi boleh dibincangkan dari dua aspek iaitu aspek positif dan aspek negatif.

Daripada aspek positif menunjukkan masyarakat Melayu di Putrajaya telah menyedari kepentingan ICTs dalam kehidupan mereka dan menghampiri pemikiran technoheterotopianism. Ini disebabkan lebih 90 peratus mereka bekerja di sektor kerajaan yang mendiami kuarters. Identiti instrumentalis jelas kelihatan kerana mereka sangat terdedah kepada perancangan dan program kerajaan khususnya membangun diri mereka sebagai MGB. Masyarakat Melayu di sini sudah memikirkan beberapa banyak faedah yang boleh mereka dapat hasil perancangan Bandaraya Pintar Putrajaya.

Sementara daripada aspek negatif, sikap tidak ambil tahu sesuatu perkara penting khususnya undang-undang siber tidak boleh diterima. Ini kerana mereka orang yang terkehadapan didedah oleh kerajaan tentang undang-undang tersebut. Dalam penduduk bangsa yang bernegara (nation with state) persoalan tidak tahu tentang undang-undang yang telah termaktub tidak timbul dan tidak boleh diterima sebagai alasan. Ini bermakna ada penduduk Melayu Bandar Putrajaya yang kurang faham tentang konsep bernegara. Bagi pihak negara pula seharusnya ada usaha-usaha memperluaskan pengenalan undang-undang siber seperti mana diperkenal undang-undang harta intelek dan akta pencagahan cetak rompak.

ii. Technoromantism

Perlu diperingati bahawa majoriti penduduk Bandaraya Putrajaya adalah kakitangan kerajaan yang berpindah dari kawasan Lembah Klang khususnya dari kawasan Kuala Lumpur. Sesetengahnya telah berpengalaman dan pernah memegang jawatan penting dalam persatuan dan pertubuhan seperti NGOs. Justeru itu dialog-dialog romantik yang bernada sentimental, simpatik dan empatik jelas kelihatan seperti 'sejauh manakah bandar pintar ambil kira keperluan orang cacat? Saya ada anak cacat sindrom telesemania...' ²⁸. Begitu juga perasaan penduduk Melayu yang merasakan diri mereka terpinggir maka timbullah dialog seperti 'kami yang duduk quarters flat ni tiada kemampuan nak beli komputer...' ²⁹. Suara-suara anti prejudis juga timbul dengan timbul dialog seperti 'kerjasama masyarakat kurang Pegawai A dengan hal masing-masing, tak nak campur dengan kami' ³⁰.

Dialog-dialog di atas lahir kerana ianya sesuai dengan jiwa 'Melayu' itu sendiri yang tidak mementingkan diri sendiri sebagaimana peribahasa mereka 'berat sama dipikul ringan sama dijinjing' dan 'hati gajah sama dilapah hati kuman sama dicecah'. Ianya menjadi asas kepada didikan budaya 'Melayu' itu sendiri yang mahukan 'orang berbudi kita berbahasa, orang memberi

kita merasa'. Justeru itu mereka tetap merasakan semua faedah pembangunan ICTs seharusnya dikongsi bersama.

Timbulnya dialog di atas secara tidak langsung menimbulkan persoalan baru di peringkat sosial kategori kerana pihak berkuasa tempatan Putrajaya belum lagi menumpu kepada pembangunan penduduk secara keseluruhannya. Ini disebabkan fasa pembangunan kini masih memberi perhatian kepada pembangunan infrastruktur dan pembangunan fizikal bandar. Tambahan pula majoriti penduduk Melayu di Putrajaya dalam proses orientasi mewujudkan 'masyarakat baru' setelah berpindah dari kawasan kuarters sekitar Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Justeru itu timbul masalah hubungan sosial mereka masih renggang kerana masing-masing dalam peringkat awal penyesuaian. Oleh sebab itu program pembangunan MGB belum boleh berjalan dengan menyeluruh semasa kajian ini dilakukan. Jika ada pun hanya bergantung kepada program pertubuhan kepartian dan program ikut musim daripada jawatan kuasa penduduk dan daripada pihak Perbadanan Putrajaya. Walau bagaimanapun aktiviti surau di Percint 8 dan Percint 9 agak aktif biarpun pengisian pengetahuan tentang ICTs tidak nampak dengan jelas.

iii. Technohumanism

Sikap bersahaja dan tidak rasa bersalah, ketinggalan dalam arus perdana teknologi maklumat jelas kelihatan daripada kajian dialog yang dilakukan kepada responden di Putrajaya. Justeru itu timbul dialog seperti 'komputer ni banyak faedahnya tetapi saya tak pandai guna, mintak tolong anak'³¹ dan 'tiada masa nak tengok internet, sibuk...'³². Begitu juga ada yang berusaha mempelajari dan mengguna teknologi ICTs tanpa ragu-ragu dan sudah terkehadapan mendahului kelompoknya maka timbul dialog seperti 'saya belajar sendiri membaiki komputer berdasarkan buku panduan yang dibeli' dan 'ada masanya saya buat *part time* baiki komputer jiran'³³. Bagi mereka kebebasan mahu atau tidak mahu mendalami ilmu ICTs bergantung kepada minat dan ruang masa yang ada kepada mereka. Ini bermakna berdasarkan dialog dan pandangan Melayu Bandar Putrajaya itu seperti menunjukkan bahawa mereka mahu kebebasan diri dalam menerima atau tidak ICTs.

Walaupun bagaimanapun aspek positif yang dapat dilihat mereka masih mempertimbangkan nilai moral dan nilai agama sebagai panduan menggunakan ICTs. Rata-rata individu Melayu yang menjadi responden percaya bahawa penggunaan ICTs seharusnya tidak melanggar batasan agama dan norma kehidupan seperti aktiviti menghantar e-mail berbentuk fitnah dan imej lucah.

iv. Technooppositionism

Budaya bertentangan dengan arus perdana tidak semesti dilabel kepada satu-satu kaum dan kelompok tetapi kaum Melayu juga ada kelompok yang menentang arus perdana ICTs. Walaupun mereka majoriti yang bertugas di sektor kerajaan malah di agensi yang primer, sikap menentang tetap ada demi kepentingan diri mereka sendiri. Justeru itu timbul dialog-dialog seperti `saya tidak akan guna e-commerce...lebih baik beli cara manual'³⁴, `saya tidak beli komputer....anak saya malas membaca asyik main game komputer'³⁵, `saya tak mahu pasang internet, tak mahu anak terdedah dengan maklumat seperti pronografi'³⁶ dan `tak semestinya komputer tu cepatkan kerja, bila rosak atau *breakdown* lambatlah kerja'³⁷.

Berdasarkan kajian ini ada tiga sebab mengapa dialog-dialog tadi timbul pertamanya mereka kurang faham mengenai matlamat dan objektif pembangunan ICTs. Keduanya sistem yang mereka hadapi tidak jelas dan ketiganya kandungan ICTs adalah di luar kawalan sosial mereka. Sebab pertama mereka kurang faham kerana mereka dipengaruhi oleh persekitaran dan keadaan yang dihadapi secara tidak menentu. Mereka lebih merasa baik buruknya ICTs khususnya kepada ahli keluarga. Ini menyebabkan mereka mengambil sikap bertahan demi kebaikan keluarga. Mereka tidak ambil peduli matlamat dan objektif ICTs yang dibangunkan oleh *authority define* kerana merasa tidak sesuai dengan pembangunan keluarga mereka. Kedua, disebabkan oleh sistem yang ada belum meyakinkan mereka untuk turut serta mengguna faedah ICTs. Sistem perdagangan elektronik misalnya belum meyakinkan semua pihak kerana masih terdapat jenayah yang mencuri wang daripada ATM, penipuan kad kredit dan penipuan harga dan kualiti barangan yang berleluasa sebelum ini. Sistem tersebut perlu diyakinkan dahulu dan dalam waktu yang sama boleh dipercayai. Ketiga, disebabkan kandungan maklumat dan komputer adalah di luar kawalan kelompok mereka. Sebab ini merupakan ancaman kepada keamanan kekeluargaan dan mendorong mereka bertentangan dengan arus perdana ICTs. Corak pendidikan yang mereka mahukan untuk keluarga sudah tentu tidak kesampaian jika `kandungan' maklumat dalam komputer ditentukan oleh orang lain sedangkan mereka sendiri tidak mampu membangunkannya. Justeru itu jalan yang paling selamat mereka tidak membeli komputer atau melanggan kemudahan internet.

v. Technophobicism

Ketakutan kepada ICTs dan kebimbangan menghadapi kemajuannya memang menjadi fenomena biasa apa bila sesuatu kemajuan baru diperkenalkan. Biasanya pemikiran technophobicism akan

dihadapi oleh golongan berumur, surirumah tangga dan golongan pekerja peringkat rendah. Dialog-dialog seperti `akak surirumah, takut nak guna komputer kerana semuanya dalam bahasa inggeris'³⁸, `saya tidak percaya dengan sistem e-commerce, nanti orang guna saya punya kad kredit....'³⁹ serta `minat tu ade nak guna komputer...tapi takut nak guna *keyboard*'⁴⁰ adalah dialog biasa bagi golongan yang dinyatakan. Seperti biasa golongan berfikiran begini bukan menjadi masalah sekiranya mereka tidak dipinggirkan dalam pembangunan MGB. Pendedahan ICTs kepada mereka wajar dipertingkatkan lagi. Walau bagaimanapun jika diabaikan mereka akan terus ketinggalan dalam dunia ICTs yang akhirnya menyusahkan diri mereka dan membebankan masyarakat pula. Masalah ini akan timbul bila mengguna sepenuhnya kad pengenalan pelbagai guna (smart card) kepada mereka jika mereka masih fobia dengan ICTs.

Daripada pemerhatian ada dua sebab mengapa pemikiran technophobiaism ini berlaku di Putrajaya. Pertamanya jarak umur dan pendidikan mereka yang tergolong daripada generasi pertama agak lemah pengetahuan ICTs berbanding dengan generasi masa kini. Keduanya disebabkan kemampuan fizikal dan kemampuan pengetahuan mereka kurang kerana tidak luas pergaulan dan kurang bersosial seperti mana yang dihadapi oleh kalangan suri rumah.

vi. Technoholicism

Kajian mendapati tidak terdapat di kalangan orang Melayu di Putrajaya yang berfikiran *technoholicism* dengan ICTs. Keterbatasan masa dengan kegiatan harian yang lain menyebabkan masa untuk mereka mengguna komputer dan internet agak terhad. Begitu juga waktu bekerja di pejabat yang begitu sibuk menyebabkan masa untuk mereka mengguna kemudahan internet di pejabat juga terbatas. Justeru, budaya pemikiran siber urbanisme yang negatif ini belum menular lagi di kalangan penduduk MGB di Putrajaya. Namun begitu tidak mustahil kajian lain atau kajian-kajian yang akan datang dapat menemukan mereka yang berfikiran taksud dan ketagih dengan penggunaan teknologi ICTs.

vii. Technodystopianism

Pemikiran technodystopianism juga ada di kalangan Melayu di Bandar Pintar Putrajaya. Mereka terdiri dari golongan anti sosial yang jemu tinggal di Putrajaya. Mereka ini terdiri daripada golongan remaja yang sudah biasa dengan kehidupan asal di sekitar Lembah Klang yang mempunyai banyak kawasan pusat hiburan dan kawasan lepak. Kejemuhan dengan keadaan di

Putrajaya yang kurang tempat hiburan untuk mereka menyebabkan timbul dialog-dialog seperti 'adik suka lepak kat cybercafe boleh tengok internet, duduk rumah boring, sambil tu boleh main game'⁴¹. Kemudahan perpustakaan yang ada di Percint 8 dan Percint 9 nampaknya kurang menarik minat mereka. Tambahan pula dasar pihak Perbadanan Putrajaya tidak membenarkan perniagaan cyber café di kawasan premis yang ada. Ini menyebabkan mereka tidak banyak pilihan untuk tempat menghabiskan masa lapang. Kesannya pada malam minggu mereka pergi ke Kuala Lumpur dan tidur di rumah kawan dengan alasan tinggal di Putrajaya tidak seronok kerana di situ tiada kawasan lepak. Begitu juga budaya 'samseng' dan 'gangsterism' yang dibawa daripada perpindahan dari kawasan Kuala Lumpur telah mula menular sama ada kegiatan bertindak merosakkan harta awam atau kes juvana merompak⁴².

Walau bagaimanapun, dalam pengkajian ini tidak dapat motif dialog yang menggambarkan kegiatan seperti jenayah komputer dan jenayah siber di kalangan penduduk Bandar Pintar Putrajaya. Begitu juga budaya melihat imej lucu di komputer sukar ditimbulkan kerana datanya terlalu peribadi dan sukar mendapat jawapan responden secara jujur. Selain itu liputan kajian ini agak terhad disebabkan faktor masa dan kos terutama untuk menyoal selidik kepada semua kategori penduduk Melayu di Bandar Putrajaya. Namun begitu tidak mustahil di masa akan datang fenomena seperti pencerobohan sistem komputer, jenayah siber dan kegiatan technodystopianism yang lain boleh bertapak di kalangan orang-orang Melayu Bandar Putrajaya. Fenomena ini boleh diambil iktibar untuk menjalankan pencegahan di peringkat awal supaya ia tidak mudah berlaku khususnya melibatkan pencerobohan sistem keselamatan dan *privacy* seseorang. Tambahan pula dengan wujudnya telefon mudah alih generasi ketiga yang boleh mengambil gambar dan teknologi WAP berasas nano teknologi boleh menceroboh *privacy* seseorang secara tidak disedari.

Kesimpulan

Kesimpulannya, biarpun Bandar Pintar Putrajaya dibangun dengan tersusun rapi dan mempunyai majoriti penduduk kelas menengah Melayu, tetapi nampaknya kepelbagaian pemikiran urbanisme positif dan negatif tetap ada. Di samping itu masalah yang dibincangkan masih sama dengan keadaan di bandar yang bukan berkonsepkan bandar pintar. Ini bermakna fenomena kepelbagaian urbanisme dan seterusnya siber urbanisme merupakan fenomena universal yang akan terus dihadapi oleh pihak sivil dan pihak sosial kategori sama ada secara selari atau bertentangan. Apa

yang lebih penting daripada perbincangan ini Melayu yang tinggal di bandar pintar tidak boleh dihomogenis pemikiran siber urbanisme mereka.

Nota Akhir dan Rujukan

¹ Soja, E. W. 2000. *Postmetropolis: Critical studies of cities and regions*. Oxford: Blackwell . Soja juga melihat pemikiran urbanisme telah melangkui isu-isu fizikal. Beliau menghuraikan pemikiran virtual (maya) perbandaran akibat perkembangan ICTs yang mencorakkan kepelbagaian ruang (hyperspace).

² Jabatan Perangkaan Malaysia. 2001. *Banci penduduk dan perumahan Malaysia 2000: Taburan penduduk mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

³ Konsep bandar pintar yang difahami bukan sahaja merujuk kepada betapa canggih infrastruktur ICTs yang dibangunkan dalam bandar. Tetapi ianya juga merujuk kepada proses perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat yang mendiami bandar pintar tersebut. Perubahan sosial yang dimaksudkan mestilah seimbang dengan perubahan teknologi yang menjadi pendorong kepada pembangunan material dan bukan material. Justeru itu proses pembangunan bandar pintar harus dilihat sejauh mana ia dapat membangunkan penduduknya menjadi masyarakat bermaklumat yang inovatif, mampu berdaya saing dan sebagainya. Rujuk Komminos, N. 2002. *Intelligent cities: Innovations, knowledge systems and digital spaces*. London: Spon Press.

⁴ Cyberculturalism dipelopori awalnya oleh pemikir-pemikir modernis seperti Jean-Francois Lyotard dan Paul Virilio yang beraliran teori kritik, manakala pemikir seperti Howard Rheingold dan Steven Lubar merupakan aliran futurisme yang melihat ICTs adalah sebahagian sosio-budaya masyarakat. Bell, D. 2001. *An introduction to cybercultures*. London: Routledge.

⁵ Cooper, S. 2002. *Technoculture and critical theory : In the service of the machine ?* London: Routledge. Teori kritik technoculture merupakan pecahan daripada teori kritik pembangunan yang berpusat di Frankfurt School. Teori ini menyangkal manusia seharusnya menerima sepenuhnya sesuatu teknologi yang memberi kebaikan kepada mereka. Menurut teori ini manusia sebagai 'human' semestinya boleh memilih sama ada berkata 'ya' atau 'tidak' kepada teknologi yang diperkenalkan. Apa bila ada yang menerima dan menolak teknologi tadi maka di sini timbul kepelbagaian (pluralisme).

⁶ Myerson, G. 2001. *Postmodern encounters, Heidegger, Habermas and the mobile phone*. Cambridge, UK: Icon Book. Menurut Habermas komunikasi merupakan tindakan rasional ke arah menyukai budaya kritik. Daripada berkomunikasi itu sendiri mencorakkan dialog-dialog yang digunakan dalam perbincangan. Antara metod berkomunikasi ialah melalui ICTs yang mewujudkan seni perbincangan baru di ruang siber.

⁷ Berwacana yang di ruangan siber adalah luas pendekatannya. Antaranya lebih mendasari mencari makna dalam konteks lisan atau bertulis. Tidak ketinggalan juga menggunakan bukti dan tanda dari mimik muka, gaya penyampaian, gerak laku dan sebagainya bagi menyampaikan maksud melalui ruangan siber seperti menggunakan persidangan video. Ini bermakna berwacana melalui ruangan siber kepelbagaian 'lingkungan' lebih meluas, 'keadaan' yang lebih memberi banyak peristiwa dan 'konteks' nya pula lebih subjektif. Rujuk Brown, G. & Yule, G. 1983. *Discourses analysis*. Messachussets: Cambridge University Press.

⁸ Baudrillard, J. 1988. *The ectasy of communication*. New York: Semiotext. Antara budaya konsumer yang diserapkan ialah kefanatikan terhadap hyper-reality (kepelbagaian realiti) yang sukar dibeza-bezakan. Ianya memerlukan pengetahuan yang tinggi bagi menangani kejutan daripada perbezaan tadi serta menghadapi kegiatan-kegiatan yang di luar jangkauan berlaku.

⁹ Lincoln, Y. S. 1990. The making of constructivist. Dlm. Caluba, E. G. (pnyt). *The paradigm dialog*. Newbury Park: Sage. Konstruktif menekankan metod penyertaan bersama (sebahagian daripada objek yang diamati) yang membawa kepada penemuan keragaman subjektif pelaku sosial.

¹⁰ Komminos, N. 2002. *Intelligent cities: Innovations, knowledge systems and digital spaces*. London: Spon Press.

¹¹ Wood, P. 2001. Conclusions: Innovative cities in Europe. Dlm. Simmie, J. (pnyt.). *Innovative cities*. London: Spon Press.

¹² Castells, M. & Hall, P. 1994. *Technopoles of the world: The making of 21st Century industrial complexes*. London: Routledge.

¹³ Castells, M. 1991. *The informational city: Information technology, economic restructuring and the urban regional process*. Oxford, UK: Blackwell.

¹⁴ Sassen, S. 2002. *Global network, linked cities*. London: Routledge.

¹⁵ Konsep eco-media city telah diperkenalkan oleh seorang Arkitek Dr. Kisho Kurugawa yang terkenal dengan falsafah alam bina `sombiosis' iaitu falsafah pembangunan yang menggabungkan kepentingan persekitaran alam semulajadi, alam buatan manusia dan ICTs. Antara rekebentuk yang tersohor di Malaysia ialah pembangunan KLIA. Untuk memahami dengan lebih lanjut konsep eco-media city serta falsafah simbiosis rujuk Kurokawa, K. 1994. *The philosophy of symbiosis*. London: Academy Editions, dan Kurokawa, K. 1997. *Each one of a Hero: The philosophy of symbiosis*. Tokyo: Kodansha International.

¹⁶ Rogers, E. M. & Shoemaker, F. F. 1995. *Communication of innovation*. London: Mc Millan.

¹⁷ Technoheteretopian mendokong pendapat McLuhan mengenai kerangka kehidupan di era ICTs membuka kepada suasana `hiperrealisasi' dalam kehidupan. Dalam era ICTs sebagai contohnya komputer, ianya memperpanjangkan sistem pemikiran realiti manusia yang mana penghantaran maklumat yang kemudiannya direproduksi kembali untuk kegunaan manusia lain melalui saluran seperti komputer, televisyen dan teknologi komunikasi yang lain. Rujuk Levinson, P. 1999. *Digital McLuhan: A guide to the information millennium*. London: Routledge.

¹⁸ Pacione, M. 2001. *Urban geography: A global perspective*. London: Routledge. Pengarang telah menjelaskan sejauh mana individu-individu sebagai manusia menghadirkan diri dalam lingkungan kerabat, ikatan sosial dan ruang sekeliling mereka. Bagi pemikiran humanisme manusia adalah bebas mencorakkan hubungan-hubungan yang dinyatakan tadi.

¹⁹ *Kosmo*, Ramai ketagih gajet berteknologi tinggi. Khamis 22 Disember 2005, hlm. 51.

²⁰ Penghuraian pemikiran technoopposism banyak dibincangkan dalam buku yang ditulis oleh Stoll, Clifford. 1995. *Silicon snake oil: Second thoughts on the information highway*. London: Pan Books.

²¹ Graham, S. & Marvin, S. 1996. *Telecommunication and the city: Electronic spaces, urban places*. London: Routledge. Cyberghetto merupakan setingan siber iaitu golongan terpinggir, dipinggirkan, meminggirkan diri serta menggunakan ruang siber untuk melakukan jenayah komputer dan jenayah siber. Cyberghetto jika tidak diatasi akan menjadi beban kepada MGB di bandar pintar.

²² Ebo, B. (pnyt). 1998. *Cyberghetto or cybertopia ? : Race, class and gender on the internet*. Westport, CT, USA: Praeger.

²³ Rogers, E. M. & Shoemaker, F. F. 1995. *Communication of innovation*. London: Mc Millan.

²⁴ *Humanware* merujuk kepada angkubah-angkubah yang berkaitan dengan kemahiran dan kebolehan manusia terutama dalam pembangunan ICTs, *Technoware* merujuk kepada kelengkapan infrastruktur ICTs yang dimiliki, *Inforware* merujuk kepada angkubah-angkubah yang berkaitan dengan kegiatan pengurusan dan pertukaran maklumat untuk faedah manusia, sementara komponen *Valueware* adalah merujuk kepada angkubah-angkubah yang berkaitan dengan etika dan moral dalam penggunaan ICTs. Rujuk Economic and Social Commission for Asia and The Pacific (ESCAP), United Nations. 1988. *A framework for technology for development*. Bangalore, India: Asian and Pacific for Transfer of Technology (APTT). Rujuk juga Hamelink, C. J. 2000. *The ethics of cyberspace*. London: Sage.

²⁵ Seorang pegawai polis berpangkat ASP Bahagian Siasatan Jenayah yang bertugas di Putrajaya. Lelaki berusia 45 tahun. Bangsa Melayu. Berada dalam kumulatif indeks majoriti awal peringkat rendah.

²⁶ Seorang guru wanita. Berusia 29 tahun. Berbangsa Melayu. Berada dalam kumulatif indeks majoriti akhir peringkat tinggi. Mengajar di salah sebuah sekolah kerajaan di Putrajaya. Tinggal di Percint 11. Tinggal di kuarters dan baru berpindah. Sewaktu kajian ini dilakukan kuarters beliau tidak ada bekalan talian telefon kerana Percint 11 merupakan kawasan perumahan yang baru sahaja siap.

²⁷ Lelaki Melayu berusia 50 tahun. Bertugas sebagai pengurus pemasaran di sebuah syarikat korporat yang terkenal. Sangat berpengalaman dalam penggunaan komputer iaitu sejak akhir tahun 1970an. Berada dalam kumulatif indeks penerima awal peringkat tinggi.

²⁸ Seorang kakitangan kerajaan peringkat profesional dan pengurusan yang bertugas di Jabatan Perdana Menteri. Berusia 49 tahun dan tinggal di kuarters kawasan Putrajaya. Mempunyai seorang anak kurang upaya yang mengidap penyakit telesemania. Berada dalam kumulatif indeks majoriti awal peringkat tinggi.

²⁹ Seorang penolong pegawai peringkat sokongan yang bertugas di salah sebuah Kementerian di Putrajaya. Lelaki yang berusia 45 tahun. Berada dalam kumulatif indeks majoriti akhir peringkat tinggi.

³⁰ Seorang penolong pegawai peringkat sokongan yang bertugas di Kementerian Kewangan . Merupakan seorang AJK surau di salah satu kawasan kejiranan di Putrajaya. Berada dalam kumulatif indeks penerima awal peringkat rendah.

³¹ Seorang pegawai veteran di salah sebuah Kementerian di Putrajaya. Berusia 54 tahun dan jantina lelaki. Menurut beliau ia jarang mengguna komputer kerana segala urusan surat menyurat diuruskan oleh setiausaha beliau. Berada dalam kumulatif indeks penerima akhir peringkat tinggi.

³² Penolong pegawai sokongan wanita di salah sebuah Kementerian di Putrajaya. Berusia 45 tahun. Juga seorang surirumah. Menurut beliau atas kesibukan di pejabat dan tugas-tugas di rumah masa senggang untuk melayari internet adalah terhad. Berada dalam kumulatif indeks majoriti awal peringkat rendah.

³³ Seorang juruteknik lelaki berusia awal 30an. Bertugas di salah sebuah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sangat berminat dalam pengetahuan ICTs. Berada dalam kumulatif indeks majoriti awal peringkat tinggi.

³⁴ Seorang pegawai kanan kerajaan di sebuah kementerian. Lelaki berusia 47 tahun. Tinggal di kuarters kerajaan sekitar Putrajaya. Berada dalam kumulatif indeks majoriti awal peringkat rendah.

³⁵ Seorang setiausaha di sebuah syarikat korporat. Wanita berusia 41 tahun. Tinggal di kuarters kerajaan Percint 9. Suami bekerja di salah sebuah Kementerian. Berada dalam kumulatif indeks majoriti awal peringkat tinggi.

³⁶ Seorang pegawai profesional dan pengurusan di JAKIM. Lelaki berusia 39 tahun. Tinggal di kuarters kerajaan Percint 8. Berada dalam kumulatif indeks majoriti awal peringkat rendah.

³⁷ Ketua Penolong Tadbir di Jabatan Kastam dan Eksais. Wanita berusia 45 tahun. Juga tinggal di kawasan kuarters kerajaan Percint 9 Putrajaya. Berada dalam kumulatif indeks majoriti akhir peringkat tinggi.

³⁸ Surirumah berusia awal 40an. Mantan setiausaha sebuah jabatan kerajaan. Berhenti kerja kerana memberi tumpuan menjaga anak-anak. Suami bekerja sebagai pegawai profesional dan pengurusan di salah sebuah Kementerian di Putrajaya. Mendiami kuarters kerajaan. Berada dalam kumulatif indeks majoriti akhir peringkat rendah.

³⁹ Seorang pegawai kanan di sebuah Kementerian. Lelaki berusia 49 tahun. Mendiami kuarters kerajaan di Percint 8. Berada dalam kumulatif indeks majoriti awal peringkat rendah.

⁴⁰ Seorang pegawai kanan di sebuah Kementerian. Lelaki berusia 52 tahun. Baru mula memahami penggunaan komputer. Banyak mendapat bantuan dan bimbingan dari anak-anak. Masih kurang yakin menggunakan komputer secara berseorangan. Berada dalam kumulatif indeks majoriti akhir peringkat rendah.

⁴¹ Remaja perempuan berusia 15 tahun. Bapanya seorang Jurutera di sebuah syarikat swasta dan ibunya seorang pegawai profesional dan pengurusan di sebuah jabatan di Kementerian Kewangan. Mereka tinggal di kuarters kerajaan Percint 8. Kedua ibu bapanya sibuk dan sering bekerja di luar kawasan. Selalu ditinggalkan bersama adik-beradik dan orang gaji.

⁴² Noor Sham Saleh. 2004. Baru kenal ABC sudah bergelar penjenayah. *Harian Metro*. 17 Januari: 21. Telah dilaporkan bahawa 10 orang pelajar sekolah rendah dan menengah di Putrajaya ditahan kerana disyaki terbabit dengan kes pecah rumah. Cukup mengejutkan antara yang menganggotai kumpulan tersebut adalah murid tahun satu sekolah rendah dan sembilan lagi berusia antara tujuh hingga 15 tahun.